

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Internet pantas dengan Google Chrome

ADAKAH cara atau panduan yang boleh diguna pakai untuk membuatkan pelayar web, Google Chrome dapat mencapai internet dengan lebih pantas?

- MUSA, KG. MELAYU.

HARUS diingat bahawa mana-mana aplikasi dapat digunakan dengan baik dan cepat sekiranya konfigurasi aplikasi itu berupaya memanipulasikan penggunaan sumber pengkomputeran pada tahap yang optimum atau terbaik seperti memori RAM, storan, jalur lebar, pemproses, memori maya dan lain-lain. Seperti mana dikatakan negara-negara maju begitu makmur negaranya kerana ketinggian integriti pentadbiran sumbernya.

Dengan kata lain, ketelusan perlaksanaan apa-apa polisi, program dan sebagainya. Begitu juga dengan interaksi aplikasi komputer dengan penggunaan sumber pengkomputeran. Semuanya perlu dilakukan dengan berhati-hati, betul dan cermat.

Seterusnya dibincangkan beberapa perkara yang boleh dilakukan untuk kelancaran penggunaan aplikasi Google Chrome dalam mencapai talian internet.

1 Penggunaan konfigurasi flags bagi mempertingkatkan kelajuan aplikasi Google Chrome. Taip, *chrome://flags/* pada bar carian. Buat carian bagi item, *Maximum tiles for interest area* dan tukar nilainya kepada 512.

Seterusnya, buat carian bagi item, *Number of Raster threads* dan setkan nilainya kepada 4. Kemudian, setkan kepada *Enable* bagi item *SPDY/4* dan *Enable fast tab/window close*. Bagi penggunaan skrin sesentuh, boleh setkan *Enable* pada item, *Touch Events*.

2 Penggunaan fungsi pra-rander dalam Google Chrome untuk mempercepatkan proses paparan web. Klik pada ikon hamburger di atas kanan Google Chrome. Seterusnya, klik pada *Settings > Show advanced settings*. Cari item, *Privacy* dan tandakan pada menu, *Prefetch page resources*.

3 Penggunaan beberapa fungsi atau program tambahan (*extensions / add-ons*) yang berupaya melajukan penggunaan Google Chrome seperti *The Great Suspender* yang dapat mengurangkan penggunaan memori RAM oleh Google Chrome, *Better Browse* yang berupaya meningkatkan kelajuan perayauan laman web lebih baik berbanding konfigurasi yang dibuat pada Google Chrome dan lain-lain.

4 Nyahaktifkan mana-mana program plugins yang tidak diperlukan dengan menaip, pada bar alamat, *chrome://plugins/* dan setkan nilainya kepada *Disable*.

5 Buangkan mana-mana program extensions yang tidak diperlukan dengan menaip, pada bar alamat, *chrome://extensions/*.

6 Taipkan *chrome://settings/clearBrowserData* pada bar alamat dan hilangkan kesemua sejarah perayauan web sejak permulaan lagi.